

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN MEI 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	06.05.2021	PSC Teliti Lantikan Jawatan Penting	2
2.	16.05.2021	Kerajaan Berjaya Tuntut RM6.7 Juta	3
3.	18.05.2021	Bekas CEO Curiga Aktiviti Jho Low	4
4.	21.05.2021	2 Pegawai bank Sahkan Transaksi RM9.5 J	5
5.	21.05.2021	Guru Besar Ditahan 'Songlap' Duit Zakat	6
6.	22.05.2021	Pengarah APMM mengaku Tak Salah Terima Suapan RM28,000	7
7.	22.05.2021	Guru Besar Direman Lima hari	8
8.	24.05.2021	Kartel daging : 2 Pegawai Maqis Mengaku Salah	9
9.	24.05.2021	Pengarah Maritim Didakwa Terima Rasuah RM10,000	10
10.	24.05.2021	'PAC Buntu Tanpa Semak, Imbang	11
11.			12
12.	25.05.2021	Wujud Bukti Kaitan UKSB?	13
13.	26.05.2021	Rasuah RM1,000, Koperal Didakwa	14
14.	26.05.2021	Juruteknik Ditahan Cuba Sogok Polis RM120,000	15
15.	26.05.2021	Bekas Pengurus MARDI Didakwa Pecah Amanah	16
16.	27.05.2021	Zahid Didakwa Terima Arahan Najib – Kes Rasuah Kontrak Sistem Bersepadu VLN	17
17.	27.05.2021	Jangka hayat Vaksin Pendek	18
18.	27.05.2021	Jutaan Rakyat Kecewa Gagal Daftar AstraZeneca	18
19.	28.05.2021	Rasuah RM69,892, Staf UIAM Didakwa	19
20.	30.05.2021	Tajuddin Dipanggil Kes Salah Guna Kuasa	20
21.	30.05.2021	Penjelasan Isu Tender LRA, Pemilihan Ikut Prosedur	21

Utusan Malaysia | 6 May 2021 | Page 1,2

PSC teliti lantikan jawatan penting

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Jawatankuasa Khas Parlimen (PSC) perlu diwujudkan semula untuk memberi ruang kepada ahli Parlimen memperhalusi lantikan ke jawatan penting seperti Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Dengan syor tersebut Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipinda sebaliknya mengekalkan struktur sedia ada dengan pelantikan masih dibuat Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Cuma apa yang berlaku ialah tambah baik pemilihan individu ke jabatan penting dan kritikal tersebut melalui proses perbincangan jawatankuasa berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Parlimen Pasir Gudang, **Hassan Abdul Karim** berkata, menerusi PSC, Perdana Menteri perlu menghantar nama individu bakal dilantik kepada PSC yang berperanan melakukan pertimbangan dan semakan kelayakan individu yang disenarai.

"Setelah PSC memberikan maklum balas, baharulah Perdana Menteri mengangkat kepada Seri Paduka Baginda untuk diperkenankan. Ia secara langsung dapat mengurangkan kuasa mutlak Perdana Menteri dan membebaskan campur tangan



Negara lain seperti Amerika Syarikat malah negara jiran Indonesia sudah lama ada jawatankuasa khas pelantikan seperti ini..."

HASSAN ABDUL KARIM

politik dalam urusan pelantikan.

"Negara lain seperti Amerika Syarikat malah negara jiran Indonesia sudah lama ada jawatankuasa khas pelantikan seperti ini tetapi Malaysia belum dipraktikkan.

"PSC pernah diwujudkan sewaktu kerajaan Pakatan Harapan (PH) namun dimansuhkan di bawah pentadbiran Perikatan Nasional (PN)," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* memetik cadangan beberapa ahli akademik supaya Parlimen diberi kuasa melantik Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Pengerusi SPR bagi memastikan tiada campur tangan politik dalam pentadbiran kerajaan.

Malah ada pihak mencadangkan supaya lantikan tersebut mengikut budi bicara Yang di-

Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja tanpa melalui nasihat Perdana Menteri.

Cadangan-cadangan tersebut timbul susulan pendedahan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador yang mendakwa berlakunya campurtangan politik dalam Polis Diraja Malaysia.

Abdul Hamid juga mendakwa, terdapat gerakan orang politik peringkat menteri mahu mempergunakan Cawangan Khas bagi kepentingan masing-masing.

Dalam nada sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tebing Tinggi, **Dr. Abdul Aziz Bari** juga tidak bersetuju jika pelantikan dibuat mengikut budi bicara Yang di-Pertuan Agong kerana Malaysia mengamalkan doktrin sistem raja berpelembagaan dan pemisahan kuasa antara ketiga-tiga cabang struktur pentadbiran kerajaan.

Menurut beliau, cadangan penubuhan jawatankuasa khas sudah memadai kerana bukan sahaja dapat menangani amalan nepotisme tetapi memastikan individu yang bakal dipilih memikul jawatan penting dalam kerajaan benar-benar layak.

"Seluruh dunia sudah lama amalkan perkara ini, apabila Parlimen terlebih dahulu meneliti rekod individu untuk dipastikan bebas salah laku dan rasuah.

"Ini dapat mengekang amalan 'politik' dalam pelantikan apabila nama-nama itu telah diselidik oleh anggota PSC sebelum dimuktamadkan," kata beliau.

UTUSAN MALAYSIA/16 MEI
2021/M.S:10

Kerajaan berjaya tuntut RM6.7 juta

KUALA LUMPUR: Kerajaan sekali lagi berjaya mendapatkan tunggakan cukai pendapatan sebanyak RM6.7 juta daripada seorang ahli perniagaan dalam buaian, Law Taek Jho atau Jho Low.

Perintah penghakiman ingkar bertarikh 21 April lalu dikeluarkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi di sini, Maalinda Selamat selepas Tang Keng Chee atau lebih dikenali sebagai Casey Tang gagal memasukkan kehadiran dalam tuntutan yang difailkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi pihak kerajaan.

Keng Chee adalah bekas Pengarah Eksekutif Malaysia Development Berhad (MDDB) dan merupakan antara individu yang masih dicari oleh pihak polis berikutan penglibatannya dalam skandal penyelewengan dana syarikat terbabit berjumlah RM2.3 bilion.

Sementara, kerajaan melalui penghakiman ingkar juga berjaya memuntut tunggakan cukai pendapatan RM67.9 juta daripada seorang lagi sekutu Jho Low iaitu Tan Kim Loong atau Eric Tan.

Selain tunggakan cukai sebanyak RM6,779,852.36, Keng Chee turut diperingatkan membayar faedah sebanyak lima peratus setahun atas jumlah tunggakan sehingga penyelesaian penuh beserta kos sebanyak RM2,000.

Pada 9 Februari lalu, LHDN memfailkan saman terhadap Keng Chee yang dinamakan sebagai defendan dan mempunyai tunggakan cukai pendapatan selama sembilan tahun bermula 2009 hingga 2019.

Pada pertengahan Februari lalu, pihak kerajaan turut mendapat penghakiman ingkar terhadap bekas pegawai undang-undang syarikat MDDB, Jasmine Loo Ai Swan membatalkan tunggakan cukai pendapatan bagi tahun taksiiran 2012 dan 2014 termasuk Taksiran Tambahan berjumlah RM2,496,333.05.

Utusan Malaysia | 18 May 2021 | Page 7

Bekas CEO curiga aktiviti Jho Low

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@utusan.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB Malaysia Development Berhad (1MDB) memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam, beliau curiga dengan syarikat itu aktiviti yang menyalahi undang-undang berkaitan pengeluaran bon luar negara bernilai AS\$3 bilion.

Mohd. Hazem Abd. Rahman, 47, berkata, terbitan bon itu adalah rancangan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low selepas mendapat arahan daripada Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam pernyataan saksinya, beliau memberitahu, dalam pertemuan julung kali bersama Jho Low, lelaki itu diperkenalkan sebagai penasihat 1MDB berkaitan pelaburan dan kutipan dana selain bertindak selaku penasihat tidak rasmi kepada bekas Perdana Menteri.

Menurut saksi itu, walaupun mengesyaki tindak-tanduk Jho Low, beliau tidak mendedahkan perkara itu kepada bekas Perdana Menteri dan hanya memberitahu secara lisan kepada



HAJIB Tun Razak hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam untuk perbicaraan kes rasuah yang dihadapinya.

beberapa pegawai khas dengan harapan perkara itu sampai ke pengetahuan Najib.

Saksi pendakwaan ke-10 itu berkata, beliau juga tidak memahumkannya secara rasmi ke-

pada Lembaga Pengarah 1MDB berhubung agenda Jho Low kerana syarikat itu diuruskan oleh Najib selaku individu yang paling berkuasa di negara ini.

Ditanya peguam Wan Aizod-

din Wan Mohammed yang mewakili Najib, Mohd. Hazem menafikan beliau tidak melaporkan kepada bekas Perdana Menteri kerana bersekongkol dengan Jho Low yang terlibat dalam ak-

tiviti yang menyalahi undang-undang.

Menurut Wan Aizuddin, saksi itu sepatutnya mendapatkan penjelasan Najib selaku peringkat tertinggi kerana dakwaan Jho Low bahawa bekas Perdana Menteri yang mengeluarkan arahan berkaitan penerbitan bon adalah agenda jahat ahli perniagaan itu melemparkan tuduhan serius kepada beliau.

"Satu-satunya sebab mengapa kamu tidak melaporkan perkara itu kepada Najib adalah kerana kamu bersubahat dengan Jho Low," ujar Wan Aizuddin yang dinafikan Mohd. Hazem.

Mahkamah sedang mendengar pemeriksaan balas terhadap saksi itu pada perbicaraan terhadap Najib yang menghadapi 25 tuduhan pengubahan wang haram dan salah guna kedudukan serta penyelewengan dana berjumlah RM2.3 bilion.

Mahkamah turut diberitahu, Mohd. Hazem pernah menandatangani beberapa dokumen berkaitan perjanjian yang dimeterai antara 1MDB Global Investments Limited (GIL), 1MDB, Goldman Sachs Bank USA dan Goldman Sachs International berhubung terbitan bon luar negara.

Menurut saksi, dokumen itu berkenaan urusan penerbitan bon syarikat 1MDB GIL dan beliau hanya bertindak selaku penandatangani namun tidak pernah diberikan dokumen yang penuh atau dijelaskan isi kandungannya.

Peguam menyatakan, Mohd. Hazem telah menandatangani dokumen secara membuta-tuli mengikut arahan Jho Low walaupun beliau syak aktiviti haram telah berlaku.

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung esok.



Satu-satunya sebab mengapa kamu tidak melaporkan perkara itu kepada Najib adalah kerana kamu bersubahat dengan Jho Low."

UTUSAN MALAYSIA/21 MEI 2021/M.S:12

2 pegawai bank sahkan transaksi RM9.5j

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Dua pegawai bank memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam, Datuk Seri Najib Tun Razak memasukkan sejumlah RM9.5 juta ke dalam akaun peribadi peguam terkemuka, Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah melibatkan dua transaksi berlainan masing-masing pada tahun 2013 dan 2014.

R. Uma Devi, 41, memberitahu, transaksi pertama melibatkan pengeluaran wang RM4.3 juta daripada akaun semasa milik bekas Perdana Menteri pada 11 September 2013 melalui cek yang mana baki sebelum pengeluaran adalah sebanyak RM73,400,019.

Menurut Pengurus Cawangan Ambank (M) Berhad itu yang merupakan saksi pendakwaan pertama, cek bertarikh 5 September 2013 itu ditandatangani oleh Najib selaku pemilik akaun.

Ketika membacakan pertanyaannya saksi, Uma Devi berkata, transaksi kedua melibatkan cek



MUHAMMAD Shafee Abdullah hadir ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

sebanyak RM5.2 juta ditunaikan ke dalam akaun semasa Muhammad Shafee pada 17 Februari 2014.

Uma Devi berkata, beliau telah diminta oleh pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencega-

han Rasuah Malaysia (SPRM), Mohamad Farid Jabar untuk mengemukakan maklumat akaun semasa milik Najib.

Menurut pegawai bank itu, beliau tidak mengetahui tujuan kedua-dua cek itu dikeluarkan

kepada Muhammad Shafee.

Sementara itu, Pengurus Cawangan CIMB Bank Bukit Tunku, Rosnita Ahmad, 41, berkata, beliau turut diminta oleh Mohamad Farid untuk mengemukakan maklumat akaun semasa tertuduh.

Menurut saksi pendakwaan kedua, semasa pembukaan akaun itu, Muhammad Shafee merupakan seorang peguam di firma guaman Tetuan Shafee & Co. dan akaun itu adalah akaun peribadi.

Mahkamah sedang mendengar perbicaraan terhadap Muhammad Shafee yang menghadapi dua pertuduhan pengubahan wang haram RM9.5 juta yang didakwa diterimanya daripada Najib dan dua pertuduhan membuat kenyataan palsu kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Beliau didakwa menerima cek RM4.3 juta pada 13 September 2013 dan RM5.2 juta lagi pada 17 Februari 2014.

Muhammad Shafee dituduh melakukan kedua-dua kesalahan itu di CIMB Bank Bhd, J2 & Ki, Ta-

man Tunku, Bukit Tunku di sini.

Pertuduhan adalah mengikut Seksyen 4(1) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Muhammad Shafee juga didakwa atas dua pertuduhan terlibat dalam transaksi hasil daripada aktiviti haram iaitu mengemukakan penyata tidak betul dan bertentangan dengan perenggan 113(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2014.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di LHDN cawangan Jalan Duta, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim di sini pada 3 Mac 2015 dan 29 Jun 2015.

Jika sabit kesalahan akan berdepan hukuman penjara maksimum 1 tahun dan denda tidak kurang dari lima kali ganda daripada jumlah hasil aktiviti haram.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin bersambung 28 Mei ini.

UTUSAN MALAYSIA/21 MEI 2021/M.S:2



SUSPEK (tengah) dibawa bagi mendapatkan permohonan reman di Mahkamah Majistret Shah Alam semalam.

Bantuan RM75,000 untuk diagih 250 murid asnaf

Guru besar ditahan 'songlap' duit zakat

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Seorang guru besar ditahan selepas dipercayai menggunakan wang zakat berjumlah RM75,000 untuk kepentingan dirinya sendiri.

Satu sumber berkata, bantuan itu sepatutnya diagihkan kepada 250 murid dengan setiap seorang menerima RM300.

Suspek yang berusia 54 tahun dan bertugas di sebuah sekolah rendah di negeri ini ditahan pada pukul 4 petang kelmarin selepas hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Klang dekat sini.

"Suspek dipercayai menggunakan kedudukannya dengan

mempengaruhi pihak pengurusan Badan Kebajikan Guru-Pekerja (BKGP) untuk mengeluarkan wang zakat dari sebuah bank, dua tahun lalu," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut sumber itu, siasatan mendapati suspek bagaimanapun dipindahkan ke sebuah sekolah lain di negeri ini kira-kira tiga minggu lalu.

Jelasnya, siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengetahui cara wang tersebut dibelanjakan.

Terdahulu, suspek yang sudah 24 tahun berkhidmat sebagai tenaga pengajar dan bergelar guru besar sejak 2017 dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam di sini bagi mendapatkan permo-

honan reman.

Majistret Nur Faizah Abdul Sani membenarkan suspek direman selama lima hari bermula semalam bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan lanjut.

Pada prosiding itu, suspek diwakili Peguam Nur Asikin Mohamed Yusoff.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

UTUSAN MALAYSIA/22 MEI 2021/M.S:2

Pengarah APMM mengaku tak salah terima suapan RM28,000



MOHAMAD SULHAN (kiri) menutup mukanya ketika dibawa untuk pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Kuantan semalam.

KUANTAN — Pengarah Zon Maritim Tanjung Sedili, Johor menghadapi 13 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM28,000 selepas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan di sini semalam.

Tertuduh, Mohamad Sulhan Zainon, 51, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas kesemua pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Mengikut kertas pertuduhan pertama hingga ke-13, tertuduh didakwa menerima suapan daripada Pengarah Syarikat Aceoil Services Sdn. Bhd., Tan Zhee Wei melalui pindahan wang se-

cara dalam talian secara bulanan ke dalam akaun bank Malayan Banking milik tertuduh sejak 2019.

Suapan itu diterima sebagai dorongan bagi dirinya untuk tidak melaksanakan pemeriksaan ke atas kapal-kapal milik Syarikat Khun Shan Shipping Sdn. Bhd. dan Syarikat Aceoil Services Sdn. Bhd.

Kesalahan dilakukan pada 19 April 2019 sehingga 27 November tahun lalu di Malayan Banking Berhad cawangan Bukit Ubi dekat sini.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009

(Akta 694) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Seksyen tersebut memperlakukan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin, manakala tertuduh pula diwakili peguam Datuk Shukri Mohamed.

Mahkamah membenarkan pegawai kanan APMM itu diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin.

Ahmad Zamzani menetapkan tarikh 30 Jun ini untuk sebutan semula kes.

UTUSAN MALAYSIA/22 MEI 2021/M.S:2

Guru besar direman lima hari

SHAH ALAM: Mahkamah Majistret di sini semalam membenarkan seorang guru besar sebuah sekolah kebangsaan direman lima hari bagi membantu siasatan kerana dipercayai menggunakan kedudukannya untuk menyalahgunakan wang zakat berjumlah RM75,000, dua tahun lalu.

Majistret Nur Faizah Abdul Sani memerintahkan suspek berusia 54 tahun itu direman bermula semalam selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor.

Menurut sumber, suspek didakwa menggunakan kedudukannya dengan mempengaruhi pengurusan Badan Kebajikan Guru-Pekerja (BKGP) sekolah tersebut bagi mengeluarkan wang sumbangan zakat.

"Suspek dipercayai mengeluarkan wang sumbangan zakat daripada sebuah bank berjumlah kira-kira RM75,000 untuk bantuan anak-anak asnaf."

"Dia yang kini bertugas di sebuah sekolah kebangsaan berlainan dipercayai menggunakan wang yang dikeluarkan ini untuk kegunaan sendiri," katanya.

Terdahulu, suspek ditahan di pejabat SPRM Cawangan Klang



GURU besar (kiri) sebuah sekolah kebangsaan direman lima hari bagi membantu siasatan mengeluarkan wang zakat untuk anak-anak asnaf bagi kegunaan sendiri. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

kira-kira pukul 4 petang kelmarin selepas hadir memberikan keterangan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias

Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan memaklumkan kesalahan tersebut disiasat di bawah Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009.

Utusan Malaysia | 24 May 2021 | Page 13

Kartel daging: 2 pegawai Maqis mengaku salah

Oleh KHAIRUL MOHD ALI

utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Empat pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan seorang pengurus diadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas 10 pertuduhan melibatkan jenayah kartel daging antara Disember 2016 hingga Disember tahun lalu.

Tertuduh, Penolong Pegawai Penguasa Maqis, Nor Azlan Mat Suki, 40; Mohd. Hafizan Khalid, 44, dan pengurus ejen penghantaran, Abdul Latif A. Rahman, 55, membuat pengakuan tidak bersalah.

Dua lagi tertuduh iaitu pegawai Maqis, Khairul Izat Sulaiman, 31, dan Mohammad Sofyan Mohd. Zaim, 27, mengaku bersalah. Kesemua tertuduh membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ariffin Ismail.

Mengikut pertuduhan, Nor Azlan dan Mohd. Hafizan didakwa dengan lima serta satu pertuduhan masing-masing menerima rasuah berjumlah RM37,500 bagi melepaskan 41 kontena yang membawa daging sejuk beku milik Syarikat ZS Amin Sdn. Bhd. dari negara yang tidak diiktiraf Jabatan Veterinar Malaysia.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di dua buah restoran di Nusajaya dan Johor Bahru antara Disember 2016 hingga Mac 2017.

Bagi kesalahan itu mereka didakwa mengikut Seksyen 16(a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di



ANTARA pegawai Maqis Johor yang diadapkan ke Mahkamah Sesyen berhubung rasuah dalam isu kartel daging antara Disember 2016 hingga Disember 2020 di Johor Bahru, Johor. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

bawah Seksyen 24 akta sama dan memperuntukan hukuman penjara sehingga 20 tahun dengan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Bagi Abdul Latif pula, dia didakwa atas dua pertuduhan pilihan iaitu memalsukan dokumen yang digunakan sebagai tulen iaitu Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport dari Syarikat LY Frozen Sdn. Bhd. bertarikh 5 Oktober dan 9 November tahun lalu di Wisma Kastam Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah pada tarikh tersebut.


Dia didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun yang sama, jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Sementara itu, Khairul Izat dan Mohammad Sofyan mengaku bersalah atas pertuduhan gagal melaporkan pemberian sogokan masing-masing RM100 serta RM30 daripada Abdul Latif sebagai ejen penghantaran QFF Logistic Sdn. Bhd. bagi mempercepatkan proses pemeriksaan dokumen dan fizikal konsainan.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat Maqis, Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah pada 5 Oktober dan 10 November tahun lalu. Bagi kesalahan itu, kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 25(2) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan mereka boleh didenda hingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Utusan Malaysia | 24 May 2021 | Page 13



MOHD. Zulfadli Nayan (baju biru) dan Alias Jaafar didakwa menerima suapan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, Johor.

Pengarah maritim didakwa terima rasuah RM10,000

JOHOR BAHRU: Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Sedili, Mohd. Zulfadli Nayan, 40, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menerima rasuah RM10,000, tahun lalu.

Tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan pertuduhan, Mohd. Zulfadli yang berpangkat Kepten Maritim Gred T22 didakwa menerima suapan RM10,000 daripada Wan Mohd. Fauzi Wan Kamaruddin melalui Azmi Mohd. Nor di sebuah restoran di Jalan Yahya Awal, di sini pada pukul 10 malam, 2 Oktober tahun lalu.

Tertuduh didakwa menggunakan jawatannya untuk tidak mengambil tindakan ke atas siasatan kapal MT Singa Gangsa milik Alamgala Resources Sdn. Bhd. yang ditahan Maritim Malaysia Zon Maritim Tanjung Sedili pada 17 September tahun lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman pen-

jara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM7,000 dengan seorang penjamin, selain menetapkan 29 Jun ini untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Wan Shahrudin Wan Ladin dan Suhaili Sapun manakala tertuduh diwakili peguam, Fazaly Ali.

Sementara itu, seorang pegawai Maritim Malaysia juga tidak mengaku bersalah atas tiga pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM5,800 sejak tiga tahun lalu.

Tertuduh, Alias Jaafar, 58, didakwa menerima suapan daripada individu sama (Wan Mohd. Fauzi) bagi mempercepatkan pemeriksaan terhadap kapal-kapal milik individu berkenaan.

Alias didakwa melakukan perbuatan itu di dua bank berasingan di Jalan Skudai dan Jalan Wong Ah Fook, di sini, antara 6 April 2019 hingga 30 Julai tahun lalu.

Utusan Malaysia | 24 May 2021 | Page 14,15

'PAC buntu tanpa semak,imbang

MUKADIMAH

PENGISYTIHARAN darurat dan penggantungan Parlimen membuka mata ramai pihak bahawa sistem demokrasi berparlimen sudah terencat.

Bukan sahaja wakil-wakil rakyat tidak dapat bersuara, malah jawatankuasa pilihan terutama Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak dapat memainkan peranannya sebagai semak dan imbang kepada pentadbiran kerajaan.

Tahun ini sahaja, sebanyak 15 mesyuarat PAC tertangguh dan lima laporan maklum balas kementerian gagal dibentangkan.

Pengerusi PAC yang juga Ahli Parlimen Ipoh Timur dari **DAP, WONG KAH WOH** nampaknya gelisah kerana tiada prosiding sejak selepas 5 Januari lalu. Ikuti temu bual bersama wartawan *Utusan Malaysia*, **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN** melalui aplikasi Zoom, baru-baru ini.



UTUSAN:
Bagaimana
pengurusan PAC
terkini di bawah
seliaan Yang
Berhormat (YB)?

KAH WOH: Saya bukanlah wakil pembangkang pertama dalam PAC kerana pada tahun 2018, pengerusi PAC pernah dilantik daripada pembangkang iaitu Datuk Seri Ronald Khande dan digantikan oleh Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad pada 2019 yang kini merupakan Menteri Pengajian Tinggi.

Sebagai pengerusi, saya menegaskan kepada ahli-ahli PAC di pihak kerajaan dan pembangkang yang kita tak boleh bersifat partisan politik kerana jika ini berlaku akan membawa masalah.

Saya juga memastikan semua keputusan dibuat adalah persetujuan secara bersama ahli PAC termasuk siapa yang akan diambil keterangan, siapa saksi yang akan dipanggil dan bagaimana laporan itu dirangka.

Saya tak boleh bersikap diktator atau enggan mengambil kira pandangan ahli lain kerana keseluruhan perjalanan PAC tidak akan berjalan lancar.

Perubahan yang YB bawa?

Sebelum ini, setelah membentangkan laporan, PAC akan memberikan masa dua bulan kepada kementerian untuk memberi maklum balas kepada PAC tetapi kami

merasakan ia sangat lama dan kadang-kadang ada isu yang harus diselesaikan lebih awal.

Jadi, PAC masih mengekalkan masa dua bulan tetapi PAC akan mendapatkan satu laporan maklum balas interim secara bertulis daripada kementerian sebulan selepas laporan dibentangkan di Parlimen.

Dalam masa dua bulan daripada tarikh tersebut, PAC akan mendengar pembentangan secara bersemuka daripada pegawai berkaitan laporan tersebut.

Ada pengaruh politik dalam PAC?

Setakat ini, saya tak nampak sebarang agenda politik dibawa masuk ke dalam PAC malah tiada pengaruh daripada kerajaan atau pembangkang kerana pada akhirnya, ini adalah keputusan konsensus. Semua wakil rakyat yang dilantik dalam PAC mempunyai kepakaran dan kematangan masing-masing.

PAC dikatakan setakat membentangkan semua laporan dan terhenti begitu sahaja. Komen?

Memang PAC tidak menghentikan kerja dari segi pembentangan laporan di Parlimen sahaja. Kalau dulu pada 2018, ia memang terhenti setakat itu sahaja namun PAC menambah baik prosedur dengan memasukkan satu lagi aspek



KENAIKAN dana program vaksin kebangsaan sebanyak RM2 bilion perlu disemak semula oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

iaitu pembentangan maklum balas.

Ini merupakan kerja susulan bagi semua laporan yang telah dibentangkan dan laporan akan diserahkan kepada kementerian dalam masa dua bulan. Kemudian, kementerian akan membentangkan laporan maklum balas tersebut.

Hal ini sedikit sebanyak membantu kepada usaha semak dan imbang kerana PAC tidak mahu laporan yang dibentangkan dibiarkan begitu sahaja.

Ada juga laporan PAC syorkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk

mengambil tindakan dalam isu tersebut.

Malah, PAC akan memanggil SPRM dan polis untuk tampil kepada PAC bagi memberikan maklum balas berkenaan syor berkenaan. Di situlah pihak berkuasa akan melaksanakan tugas mereka.

Proklamasi darurat dan penggantungan Parlimen dilihat melumpuhkan fungsi PAC. Benarkah?

Ini situasi amat menyedihkan kerana PAC telah pun diberikan tanggungjawab tetapi malangnya, PAC lumpuh akibat penggantungan Parlimen dan darurat.

Pada 12 Januari lalu, saya

ingat lagi Speaker Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun mengeluarkan kenyataan walaupun tiada sidang Parlimen, tetapi jawatankuasa pilihan Parlimen termasuk PAC masih boleh menjalankan fungsi sebagai semak dan imbang.

Tetapi, apabila PAC nak mulakan prosiding sekali lagi, PAC diberitahu oleh Parlimen di bawah Ordinan Darurat Kuasa-Kuasa Perlu 2021, semua persidangan jawatankuasa pilihan digantung. Justeru, situasi sebegini tidak sihat bagi sistem demokrasi berparlimen dalam negara.

Selepas ini bagaimana?

Tak banyak yang PAC boleh lakukan sekarang melainkan hanya mengeluarkan kenyataan seperti wakil-wakil rakyat lain bertanya kepada kerajaan tentang apakah prosedur, tahap ketelusan dan perbelanjaan kerajaan buat masa ini.

Apa kesannya?

Kami tidak boleh memanggil saksi-saksi untuk hadir di hadapan PAC untuk memberikan keterangan. PAC juga tidak boleh mendapatkan tindakan susulan daripada kementerian.

Contohnya, selepas 5 Januari, PAC harus bermesyuarat untuk menilai harsard-harsard dan keterangan yang diberikan serta menyediakan laporan.

UTUSAN MALAYSIA/24 MEI 2021/M.S:15



Jika Parlimen bersidang hari ini, kerajaan boleh memberikan keterangan berkenaan keperluan menggunakan wang dalam Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN)."

Selepas itu, ia hendaklah dibentang di Parlimen tetapi, akhirnya, laporan program vaksin juga tergantung.

Pakar Perlembagaan berpendapat, walaupun darurat, semak dan imbang masih boleh dilakukan termasuklah PAC. Komen?

Benar. Tetapi, selaku jawatankuasa di bawah Parlimen, PAC dikehendaki mengikuti pandangan dan keputusan daripada Speaker Dewan.

Pada Mac lalu, apabila wabak Covid-19 sedikit terkawal, PAC telah dan mahu meneruskan prosiding namun Setiausaha Dewan Rakyat memberitahu bahawa Jabatan Peguam Negara memberikan pandangan di bawah Ordinan Darurat, semua prosiding digantung termasuklah jawatan kuasa pilihan.


Pun begitu, saya tidak bersetuju dengan pendekatan yang diambil Peguam Negara dan jelas sekali Speaker Dewan Rakyat juga setuju.

Kalau begitu, nilai semak dan imbang sudah tidak bermakna lagi?

Saya sangat setuju. Segala perbelanjaan kerajaan haruslah diluluskan oleh Parlimen dan jika diluluskan pada bila-bila masa - dalam proses perbelanjaan itu - PAC atau jawatan kuasa pilihan lain boleh masuk untuk menyemak.

Bila kali terakhir bersidang?

Pada 5 Januari lalu. Itu pun PAC hanya memanggil Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan



PARLIMEN perlu segera bersidang semula bagi membolehkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berperanan sebagai semak dan imbang kepada pentadbiran kerajaan.

Kementerian Kesihatan (KKM) dan beberapa pegawai lain berkenaan program vaksinasi yang dijalankan kerajaan.

Pada masa itu, terdapat banyak persoalan yang dibangkitkan rakyat dan wakil rakyat berkenaan program vaksinasi, berapa wang yang telah digunakan, mengapa terdapat kelewatan dalam melaksanakan program ini dan lain-lain?

Namun, PAC mengambil keputusan pantas untuk mengadakan prosiding dan memanggil saksi untuk hadir dan hasilnya, PAC memberi komen yang baik terhadap

usaha kementerian dalam mengendalikan program tersebut.

Bagaimana ahli-ahli PAC menjalankan tugas?

Setiap mesyuarat PAC, pengerusi akan mempengerusikan mesyuarat dan jika tidak hadir, naib pengerusi akan mengambil alih.

Setiap ahli dalam mesyuarat akan mengambil giliran untuk bertanya soalan kepada pegawai terlibat atau memberi pandangan terhadap isu yang sedang dibicarakan. Pastinya, sebelum

bermesyuarat, semua ahli harus membuat kerja rumah masing-masing. Jika isu itu dibangkitkan dalam laporan Ketua Audit Negara, kena bacalah laporan tersebut. Di situlah barulah boleh bangkitkan soalan tentang isu berbangkit.

Suka saya jelaskan, PAC terdiri daripada 14 ahli termasuk Pengerusi dan Naib Pengerusi yang dilantik melalui usul dalam Parlimen yang diluluskan Dewan. Manakala 12 ahli yang lain dilantik oleh jawatan kuasa pemilih yang membentangkan nama-nama tersebut di Parlimen.

Sejak Parlimen digantung, kerajaan membelanjakan sejumlah dana yang besar untuk mengurus wabak Covid-19 dan program vaksinasi. Adakah perincian setiap perbelanjaan ini diperiksa PAC?

Bukan semua isu PAC akan petik. PAC akan ambil mana yang dirasakan perlu untuk memanggil saksi hadir ke hadapan PAC bagi memberikan keterangan.

Kalau macam itu tak teluslah?

Isu yang diambil PAC tidak semestinya melibatkan salah guna kuasa atau rasuah. Ini tidak akan berlaku jika saksi yang hadir dapat meyakinkan ahli PAC tentang perbelanjaan tersebut. Pada akhirnya, PAC

sendiri dapat membersihkan nama mereka.

Contohnya, pada 2019, PAC telah memanggil Ketua Pegawai Eksekutif Khazanah Nasional Berhad, wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan untuk memberikan keterangan soal kerugian Khazanah pada 2018 dan 2019.

Di situ, jika rakyat menilai laporan yang dibentang berkenaan prosiding Khazanah, PAC memberikan laporan amat positif dan telah membersihkan nama mereka.

Jika isu serius melibatkan perbelanjaan yang besar dan mungkin ada kekeliruan atau isu yang menuntut PAC mendapatkan penjelasan, PAC akan ambillah isu itu.

PAC boleh mengambil isu daripada laporan Ketua Audit Negara. Katakan bagi sesuatu isu, PAC akan mengambil tiga atau empat isu sahaja dan lain-lain akan diserahkan kepada Ketua Audit Negara.

Bagaimana pula dengan keputusan kerajaan mengeluarkan dana dari Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) 1988?

Sekali saya baca kenyataan akhbar bahawa kerajaan meminda akta ini bagi membenarkan pengeluaran wang semasa Covid-19, ini sesuatu yang mengejutkan.

Apabila kerajaan berbincang berkenaan penggunaan dana sebanyak RM3 bilion dalam Belanjawan 2021 untuk melaksanakan program vaksinasi, kerajaan tidak sebut langsung berkenaan dari mana dana itu akan diambil. Dan sekarang, sudah menjadi RM5 bilion itu pun diambil daripada dana KWAN.

Macam mana nak semak perbelanjaan ini?

Nampaknya dalam keadaan sekarang, pemantauan dari segi perundangan dan Parlimen adalah sifar. Selagi PAC digantung, memang tidak boleh buat apa-apalah.

Apa yang harus dilakukan adalah panggil untuk prosiding semula bagi membangkitkan isu ini. PAC harus semak semula kenapa dana untuk program vaksin naik RM2 bilion lagi.

Apabila sampai kepada PAC, memang tiada apa yang perlu disembunyikan. Maklum dan beri peluang kepada PAC untuk menyediakan laporan serta membentangkannya di Parlimen.

Utusan Malaysia | 25 May 2021 | Page 13

Wujud bukti kaitan UKSB?

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
rohaizah.zainal@mediamulla.com.my

SHAH ALAM: Pihak pendakwaan kes rasuah berhubung Sistem Visa Luar Negara (VLN) membatalkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi akan membuktikan wujudnya kaitan rapat antara pelantikan Ultra Kirana Sdn. Bhd. (UKSB) sebagai kontraktor dan fakta penerima wang tunai.

Timbalan Pendakwa Raya, Raja Rozela Raja Toran berkata, kaitan antara kedua-dua fakta tersebut adalah penting untuk membuktikan bahawa Ahmad Zahid, 68, selaku tertuduh telah menerima wang suapan sebagai upah dan sebagai dorongan mengekalkan dan atau melanjutkan kontrak lantikan UKSB.

Menurutnya, ketika kejadian Ahmad Zahid adalah Menteri Dalam Negeri dan sepanjang tempoh empat tahun, tertuduh mengambil kesempatan daripada kedudukannya untuk mengaut kekayaan.

"Tertuduh menerima suapan daripada UKSB yang melibatkan wang tunai pelbagai mata wang iaitu S\$14.71 juta, RM3.125 juta, A\$15,000 dan 5,000 euro.



AHMAD Zahid Hamidi tiba di Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor bagi perbicaraan hari pertama berhubung menerima rasuah berhubung Sistem VLN. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

"UKSB adalah sebuah syarikat yang dilantik oleh kerajaan sebagai kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pembekalan dan perkhidmatan untuk Kementerian Dalam Negeri serta mengikut beberapa perjanjian yang dimeterai.

"Tertuduh terlibat dan mempunyai pengetahuan tentang perantaraan UKSB sebagai

kontraktor. Pendakwaan akan mengemukakan keterangan lisan dan dokumentar untuk membuktikan fakta ini," katanya ketika membacakan ucapan pembukaan hari pertama perbicaraan hari ini di hadapan Hakim Mohd. Yazid Mustafa.

Dalam pada itu, Raja Rozela berkata, pihaknya juga akan memanggil sekurang-kurangnya 20

saksi dan bergantung kepada keterangan dokumentar, keterangan terus serta keterangan ikut keadaan, yang mana perlu.

"Mahkamah juga bakal mendengar keterangan beberapa orang saksi yang akan memperincikan fakta dan hal-keadaan tentang bila dan bagaimana wang-wang suapan ini diterima tertuduh.

"Segala keterangan yang bakal dibawa masuk akan membuktikan secara *prima facie* bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan yang dinyatakan dalam setiap pertuduhan," jelasnya.

Dalam pada itu, Peguam Hamidi Mohd. Noh dalam kenyataan menyangkal ucapan pembukaan tersebut berkata, pelantikan UKSB sebagai kontraktor kepada kerajaan bagi pembekalan perkhidmatan itu tidak dibuat dalam tempoh anak guamnya berkhidmat sebagai Menteri Dalam Negeri.

"Kita akan membuktikan bahawa anak guam tidak pernah mengambil atau menerima apa-apa wang rasuah daripada UKSB dan pembelaan akan membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah," katanya.

Utusan Malaysia | 26 May 2021 | Page 32

Rasuah RM1,000, koperal didakwa

SEREMBAN: Seorang anggota polis berpangkat koperal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas dua pertuduhan menerima rasuah bernilai RM1,000.

Sogokan itu dipercayai bagi menyelesaikan kes menggajikan tiga warga Bangladesh yang tidak mempunyai permit kerja yang sah, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Shamsudin Abd Aziz, 52, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas kedua-dua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Madiah Harullah.

Bagi pertuduhan utama, Shamsudin yang bertugas di Balai Polis Tanjung Ipoh di Kuala Pilah didakwa telah secara rasuah memperoleh wang berjumlah RM1,000 melalui pindahan akaun bank daripada Mohammad Arif Mohd. Hashim yang menggajikan tiga orang pekerja Bangladesh yang tidak mempunyai permit kerja sah.



SEORANG anggota polis berpangkat koperal didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban atas pertuduhan menerima rasuah bernilai RM1,000 dipercayai bagi menyelesaikan kes menggajikan tiga warga Bangladesh yang tidak mempunyai permit kerja sah, tiga tahun lalu. - UTUSAN/ MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Difahamkan, wang itu sebagai dorongan supaya tindakan undang-undang tidak dikenakan ke atas lelaki tersebut.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada pukul 4.58 petang di Malayan Banking Berhad di Jalan Besar Bahau, Bahau pada

24 Ogos 2018.

Bagi kesalahan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Bagi pertuduhan pilihan, di lokasi dan masa yang sama, tertuduh didakwa menerima satu benda berharga tanpa balasan iaitu wang berjumlah RM1,000 daripada individu sama melalui pindahan wang di akaun bank milik tertuduh di mana dia mengetahui mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi tertuduh.

Utusan Malaysia | 26 May 2021 | Page 13



JURUTEKNIK yang dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor bagi membantu siasatan berhubung memberi rasuah kepada seorang pegawai kanan polis bagi tujuan membebaskan rakan-nya atas tuduhan dadah.

Juruteknik ditahan cuba sogok polis RM120,000

SHAH ALAM: Hanya kerana mahu melepaskan rakan-nya akibat kesalahan memiliki dadah, seorang juruteknik penyalan udara sanggup menyogok pegawai kanan polis sebanyak RM120,000 di sebuah stesen minyak di Bandar Sri Damansara, dekat sini kelmarin.

Bagaimanapun, tindakannya itu membawa padah apabila lelaki berusia 36 tahun itu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor kira-kira pukul 9.25 malam.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati pegawai kanan polis berpangkat Asisten Superintenden itu terdahulu telah ditawarkan wang tunai RM100,000 oleh juruteknik terbabit bagi melepaskan rakan-nya daripada dikenakan tindakan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya atas kesalahan memiliki dadah.

"Suspek kemudiannya memberikan wang RM120,000 kira-kira 10 minit sebelum ditangkap pada hari sama," kata sumber.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret di sini, suspek direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan.

Majistret Mohamad Redza Azhar Rezali membenarkan suspek direman bermula semalam selepas dipohon SPRM Selangor.

Dalam pada itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat mengikut Seksyen 17 (b) Akta SPRM 2009.

Bekas pengurus MARDI didakwa pecah amanah

KUALA TERENGGANU: Bekas pengurus Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan pecah amanah bernilai RM14,250, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Saiful Nizam, 40, yang sebelum ini berkhidmat di MARDI Kuala Terengganu merangkap pengurus dana agensi berkenaan membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan pecah amanah dengan tidak menyerahkan wang pembayaran sewa kiosk bagi bulan Januari hingga September 2019 di samping deposit berjumlah RM14,250 kepada Bahagian Kewangan MARDI Kuala Terengganu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara Januari hingga September 2019.

Mohd. Saiful didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan serta denda jika sabit kesalahan.

UTUSAN MALAYSIA/27 MEI 2021/M.S:15

Keterangan saksi pendakwaan kes rasuah kontrak sistem bersepadu VLN

Zahid didakwa terima arahan Najib

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUBL

SHAH ALAM -- Mahkamah Tinggi di sini semalam memberi Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi seolah-olah menerima arahan daripada Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung penyambungan kontrak dan operator tunggal Sistem Visa Luar Negara (VLN) kepada Ultra Klarna Sdn. Bhd. (UKSB).

Saksi pendakwaan kedua, Bekas Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Imigresen, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Azman Azra Abdul Rahman @ Md. Salleh berkata demikian semasa menjawab pemeriksaan balas Peguam Datuk Ahmad Zaidi Zainal berhubung minit tersebut.

Ahmad Zaidi: Adakah minit-minit yang diterima Ahmad Zahid daripada Perdana Menteri ketika itu (Najib) adalah berbentuk satu arahan?

Azman: Ya.

Ahmad Zaidi: Berdasarkan minit itu, Datuk Seri Zahid tidak diberi pilihan sama ada teruskan atau reconsider?

Azman: Dalam minit itu, tidak ada ayat pilihan.

Terdahulu pada prosiding per-



AHMAD ZAHID (kiri) menunjukkan isyarat bagus ketika hadir di Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam.

bicaraan di hadapan Hakim Datuk Mohd. Yazid Mustafa, Azman yang menjawat jawatan itu selama tujuh tahun sejak 2008 semasa membaca kenyataan bertulisnya memaklumkan Najib menghantar tiga minit secara bertulis kepada Ahmad Zahid.

Minit secara bertulis itu dise-

rahkan selepas UKSB menghantar tiga pucuk surat bagi permohonan pertimbangan dan sokongan berterusan daripada kerajaan.

Antara yang dinyatakan dalam minit bertulis itu adalah "Datuk Seri Zahid, sila bantu dalam hal ini, kontrak ini perlu diteruskan" dan "Syarikat ini sudah dianu-

rah kontrak E-Visa dan meneruskan pelaksanaan serta E-Visa untuk China boleh dilancarkan pada 1 Januari 2016".

"Ahmad Zahid sebagai Menteri Dalam Negeri (ketika itu) yang mengambil alih jawatan tersebut daripada Datuk Seri Hishammuddin Hussein pada 16 Mei 2013 menguruskan mesyuarat pada 26 Julai tahun sama berhubung sistem aplikasi di Jabatan Imigresen Malaysia.

Ia kemudian disusuli Mesyuarat Khas berhubung Operator Seheori (OSC) Permohonan Visa di Negara-negara Asia Selatan dan Myanmar.

"Selain itu, satu perjanjian di antara UKSB dan Kerajaan Malaysia berhubung pembekalan VLN yang berkuat kuasa selama enam tahun bermula 1 November 2013 hingga 31 Oktober 2019," katanya.

Ahmad Zahid mengaku tidak bersalah atas 33 pertuduhan rasuah menerima suapan berjumlah SG\$13.56 juta (RM42.28 juta) sebagai dorongan mengekalkan kontrak perjanjian untuk membekalkan sistem bersepadu VLN kepada UKSB.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu didakwa mengikut Sek-

syen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang membawa hukuman penjara 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000.

Ahli Parlimen Bagan Datuk itu turut mengaku tidak bersalah atas 33 pertuduhan pilihan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan iaitu sebagai Menteri Dalam Negeri menerima suapan berjumlah SG\$13.56 juta (RM42.28 juta) berhubung sistem VLN pada 2014 hingga 2017.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di Seri Satria, Presint 16, Putrajaya dan di Country Heights, Kajang, pada Oktober 2014 dan Mac 2018.

Bagi tujuh pertuduhan lain, Ahmad Zahid didakwa mendapat wang, SG\$1.15 juta (RM3.5 juta), RM3 juta, Euro 15,000 (RM75,881) dan AS\$15,000 (RM62,000) tanpa balasan daripada syarikat tersebut.

Kesalahan itu dilakukan di Country Heights pada Jun 2015 dan Oktober 2017 mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

8

UTUSAN MALAYSIA
KHAMIS - 27 MEI 2021

Dalam Negeri

Jangka hayat vaksin pendek

Oleh MASZUREEN HADZMAN
dan AHMAD FADHULLAH
ADMAN
mszureen.hadzman@medianusa.com.my

PETALING JAYA: Kegagalan individu yang diberi jani temu memenuhi aplikasi MySejahtera di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) awam dan PPV klinik kesihatan untuk hadir menerima suntikan vaksin boleh menyebabkan berlakunya pembaziran dos.

Ini kerana satu botol vaksin mempunyai jangka hayat pendek dan perlu diguna sebaik sahaja dikeluarkan dari tempat simpanan.

Difahamkan, satu botol vaksin boleh digunakan oleh enam orang suntikan sahaja dan kebanyakan isinya perlu dibazirkan dalam tempoh 12 jam.

Sebab itu, apabila terdapat individu yang mendaftar mendapatkan suntikan tersebut namun tidak hadir apabila tiba waktu dijanjikan, orang lain perlu dipanggil segera untuk mendapatkan suntikan itu.

Dalam beberapa kes, kadangkala pegawai perubahan perlu mencari pengganti dalam masa singkat dan ketika itu menyebabkan



“Sekiranya terdapat kegagalan untuk hadir jani temu suntikan dan tidak mempunyai pengganti, maka berlaku pembaziran.”

DR. MOHD. ANUAR JONET



DR. ZAINAL ARIFFIN OMAR

sestapa sahaja yang berada berhampiran lokasi itu boleh dipanggil bagi mengelak daripada pembaziran.

Botol vaksin perlu dikeluarkan terlebih dahulu untuk mencapai suhu bilik sebelum disuntik kepada individu, yang mana pengalangan perbezaan suhu simpanan dan suhu bilik adalah tidak bagus kepada vaksin kerana ia boleh menyebabkan kerosakan pada vaksin.

Pemangku Pengarah Penyelidikan Institut Genom Malaysia, Dr. Mohd. Anuar Jonet berkata, jangka hayat sesuatu

vaksin hanya mampu bertahan selama seminggu apabila disimpan di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Beliau berkata, setiap vaksin mempunyai kaedah penyimpanan tersendiri di dalam peti es setiap PPV seluruh negara.

“Setiap vaksin ada kaedah penyimpanan. Contohnya vaksin Pfizer (Pfizer-bioNTech), jika ia disimpan di dalam peti es sejak dengan suhu yang rendah dalam lingkungan -80 darjah Celsius, maka itu boleh disimpan beberapa bulan. Tetapi apabila hendak dihantar ke PPV,

vaksin itu dikeluarkan dari tempat penyimpanan dan hanya disimpan dalam peti dengan suhu empat darjah Celsius.

“Dengan suhu empat darjah Celsius itu, vaksin berkenaan hanya boleh bertahan dalam tempoh seminggu. Oleh itu, sekiranya terdapat kegagalan untuk hadir jani temu suntikan dan tidak mempunyai pengganti, maka berlaku pembaziran,” katanya kepada Utusan Malaysia.

Mohd. Anuar berkata, kesedaran kaedah penyimpanan dan suhu vaksin sangat dititikberatkan kerana ia adalah sebahagian daripada jaminan yang diberikan oleh pengeluar sesuatu vaksin.

Katanya, seandainya ditakdirkan sesuatu vaksin itu tidak berkesan, maka pihak pengeluar menyemak kembali kaedah pengendalian terhadap vaksin tersebut.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Perubahan Kesihatan Awam Malaysia (PPKAM), Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, kegagalan hadir pada jani temu suntikan vaksin mengakibatkan permasalahan pada peringkat pengurusan.

Katanya, setiap PPV mempunyai senarai menunggu, malah ada daripadanya yang menyebabkan walk in bagi mengatasi masalah sekiranya terlapatnya ketidakhadiran penerima suntikan vaksin.

“Contohnya, jika ada orang tidak datang suntikan, maka mereka akan menghubungi yang dalam senarai menunggu pada satu jam sebelum suntikan untuk datang mengambil suntikan vaksin. Oleh itu, isu pembaziran itu tidak berlaku tetapi hanya menyusahkan dari segi pengurusan,” katanya.

Jutaan rakyat kecewa gagal daftar AstraZeneca

PETALING JAYA: Keturajuan jutaan rakyat Malaysia mendapatkan suntikan AstraZeneca berakibat hampa apabila slot pusingan kedua tempahan vaksin itu habis dalam tempoh lebih satu jam.

Malah lebih mengecewakan apabila laman web www.vak-sincovid.gov.my gagal dilayari kerana dipercayai capaian trafik yang tinggi sehingga orang ramai tidak dapat menempah slot meskipun menunggu di hadapan telefon bimbit atau komputer lebih awal sebelum waktu pendaftaran dibuka pukul 12 tengah hari.

Tidak kurang juga terdapat ramai mengukuh selepas memendapat laman web, slot vaksin sudah penuh walaupun dicarangkan sebelum ini ditawarkan kira-kira 1.25 juta dos vaksin.

Tinjauan Utusan Malaysia di media sosial Facebook mendapati, netizen mengadu tentang negeri tidak boleh ditekun dan menyebabkan mereka terpaksa refresh laman web, sebaliknya slot telah penuh selepas mengakses laman web tersebut.

Seorang pengguna Facebook, Muhammad Raa Abu Yamin me-



MUR Fareha Ab. Rahim dan rakannya, Nor Azrinshida Mohamad Nazir (kanan) kecewa melihat slot tempahan pusingan kedua vaksin AstraZenec ditutup ekoran sambutan orang awam di Bandar Baru Bangi, Selangor, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

nyatakan situasi itu tidak harus berlaku memandangkan pihak berkenaan harus bersedia daripada segi kesediaan trafik memandangkan laman itu dilayari

jutaan rakyat Malaysia. “Rakyat Malaysia telah mula sedar kepentingan pengambilan vaksin, tetapi penyelesaian sistem pendaftaran di web yang di-

katakan begitu ‘canggih dan ter-paling lancar di dunia’ ini adalah amat mengecewakan,” katanya.

Seorang lagi pengguna media sosial, Azrelle Nizam pula

melahirkan kekecewaan kerana tidak dapat melakukan pendaftaran sedangkan menunggu di hadapan telefon sejak pukul 11.50 pagi.

“Berapa jam baru boleh nak boleh register? Katanya sistem penuh-puluh juta rakyat kenanya,” soal lelaki itu.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) dalam ciapan Twitter memaklumkan, pendaftaran sukarela pengambilan vaksin AstraZeneca untuk rakyat Malaysia umur bawah 60 tahun kini ditutup selepas lebih sejam tempahan dibuka bermula pukul 12 tengah hari semalam.

Ia melibatkan penduduk di Lembah Klang, Pulau Pinang, Kuching dan Miri di Sarawak serta Johor.

“Tempahan jani temu untuk pusingan kedua Inisiatif Pelawanan Pengambilan Vaksin AstraZeneca kini sudah ditutup. Mereka yang layak akan menerima jani temu dalam masa terdekat. Terima kasih bagi mereka yang mendaftar untuk membantu negara mencapai imuniti kelompok,” kata ciapan itu.

UTUSAN MALAYSIA/28 MEI 2021

Rasuah RM69,892, staf UIAM didakwa

SHAH ALAM: Dua kakitangan termasuk seorang pegawai Bahagian Komunikasi Korporat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak didakwa di Mahkamah Sesyen di sini atas kesalahan menerima rasuah berjumlah RM69,892 lapan tahun lalu.

Bagaimanapun tertuduh, Mohd. Hakimi Badrol Afandi, 44, merupakan penolong pengarah dan Yusri Said, 49, selaku pembantu tadbir kanan mengaku tidak bersalah atas kesemua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan, Mohd. Hakimi yang merupakan pegawai Gred N41 didakwa satu pertuduhan utama dan pilihan iaitu memperoleh rasuah wang tunai sebanyak RM5,000 daripada seorang individu sebagai dorongan membantu memudahkan urusan syarikat Nii Resources mendapatkan kerja-kerja berkaitan baucar bayaran bernombor PV11314000051 bertarikh 7 Mac 2014 -Exhibition Panels (EZ Line 20).

Mohd. Hakimi yang sudah berkhidmat lebih 12 tahun di UIAM didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah restoran di Gombak pada 12 Mac 2014.

Yusri (Gred N22) pula didakwa dengan sembilan pertuduhan utama dan pilihan melibatkan jumlah keseluruhan RM64,892.

Yusri yang berkhidmat di UIAM selama 30 tahun didakwa menerima wang tunai berjumlah RM62,892 daripada individu sama sebagai dorongan

membantu memudahkan urusan syarikat Iklanika Sdn. Bhd., Nii Resources dan Nii Resources mendapatkan kerja-kerja berkaitan baucar bayaran bagi kerja-kerja penerbitan, percetakan dan baik pulih galeri di UIAM.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat Iklanika Sdn. Bhd. di Pusat Bandar Sri Gombak, GB Auto Sdn. Bhd. di Batu Caves, Gombak antara 8 Februari 2013 hingga 30 Mac 2015.

Yusri yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM3,200 turut didakwa menerima suapan tersebut bagi bayaran pendahuluan pembelian kereta jenis Volkswagen Polo H/B 1.6 dengan nombor pendaftaran BMR49.

Malah, bapa kepada dua orang cahaya mata itu turut didakwa menerima suapan melalui cek berjumlah RM9,092 wang pendahuluan dan bayaran Body Kit Volkswagen Polo berkenaan selain menerima wang tunai RM3,800 untuk membeli nombor pendaftaran BMR49 terbabit.

Bagi kesemua pertuduhan, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(10) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.



DUA kakitangan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

UTUSAN MALAYSIA/30 MEI 2021

Tajuddin dipanggil kes salah guna kuasa

PUTRAJAYA – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dikatakan telah memanggil Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman untuk memberi keterangan kelmarin.

Bekas Pengerusi Bukan Eksekutif Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) didakwa hadir ke Pejabat SPRM Putrajaya pagi kelmarin dipercayai bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna kuasa.

Difahamkan, beliau memberi keterangan pada sebelah pagi sebelum pergi ke Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur berhubung kes pelanggaran prosedur operasi standard kerana tidak memakai pelitup muka.

Satu sumber berkata, ke-

terangan Tajuddin diperlukan bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna kuasa, namun enggan memperincikannya.

Setakat malam tadi, tiada sebarang kenyataan dikeluarkan SPRM berhubung perkara tersebut.

Pada Rabu lalu, Kementerian Kewangan Diperbadankan bersetuju menamatkan perkhidmatan Tajuddin sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Prasarana berkuat kuasa serta-merta.

Sementara itu, Tajuddin ketika dihubungi semalam enggan mengulas lanjut.

"Apa siasat-siasat? Saya okey sahaja, (berada) di bilik pengarah pilihan raya. Uruskan hal rakyat," kata beliau.



TAJUDDIN dikatakan memberi keterangan kepada SPRM dipercayai berhubung kes salah guna kuasa kelmarin.

UTUSAN MALAYSIA/30 MEI 2021

Penjelasan isu **tender LRA**, pemilihan ikut prosedur

Oleh **SARINA ISMAIL**

ISU penganugerahan tender Loji Rawatan Air (LRA) kepada Widad Group Bhd tiada agenda lain tersembunyi malah pemilihannya mengikut prosedur yang ditetapkan.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor, tampil mempelawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati boleh membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurutnya, semua projek LRA dibuat secara tender terbuka dan kerajaan pusat sekarang hanya

meneruskan usaha yang telah dibuat oleh kerajaan sebelumnya.

“Silakan buat laporan kepada SPRM atau mana-mana agensi berkaitan. Saya alu-alukan,” ujarnya menjawab lontaran dari Ketua Pembangkang Dun Kedah, Dato^h Ir Phahrolrazi Zawawi dalam satu kenyataannya baru-baru ini.

“Syarikat Air Darul Aman (SADA) bukan pemilik projek LRA ini. Ketika Pakatan Harapan (PH) mentadbir dahulu, Jabatan Kerja Raya (JKR) diletakkan sebagai agensi penguasa atau pemilik projek.

“SADA tiada kaitan dengan projek ini walaupun pengguna akhir kepada LRA ini ialah SADA,” bidas Sanusi lagi.

Kata beliau itu antaranya yang menjadi kecelaruan keputusan dilakukan PH sewaktu berkuasa di Kedah setahun lalu.

Dalam kenyataan Ketua Pembangkang Dun Kedah berkenaan, beliau menggesa agar kerajaan negeri memberi penjelasan berhubung pemberian projek menaik LRA Bukit Selambau di Kuala Muda bernilai RM129.4 juta yang diberikan kepada Widad Builders Sdn Bhd (WBSB).